

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI
[ALOR SETAR]**

SOALAN :

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai berapa kes jenayah syariah yang telah diberi hukuman setinggi penjara 3 tahun atau denda RM5 ribu atau sebatan 6 kali di setiap negeri.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan semakan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri, jumlah kes jenayah Syariah yang telah diberi hukuman setinggi penjara 3 tahun atau denda RM 5 ribu atau sebatan 6 kali yang telah direkodkan pada tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti berikut :

1. Hukuman penjara maksimum tiga (3) tahun : **tiada kes**;
2. Hukuman denda maksimum RM lima (5) ribu : **61 kes**; dan
3. Hukuman sebatan maksimum enam (6) kali sebatan : **87 kes**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Syarie di Mahkamah Syariah adalah tertakluk kepada faktor-faktor mitigasi semasa rayuan peringanan hukuman oleh pesalah jenayah Syariah, sebagai pertimbangan Hakim Syarie sebelum sesuatu hukuman tersebut diputuskan. Sekian, terima kasih